



**Amin dan Elina pada sidang media** di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

# Galak generasi muda hasil produk teknologi hijau

**Kuala Lumpur:** Lebih 300 pelajar sekolah menengah dari seluruh negara bakal bersaing dalam pelbagai pertandingan, cabaran dan juga kuiz sempena penganjuran Karnival Inovasi Teknologi Hijau peringkat kebangsaan 2017, selama tiga hari bermula esok.

Program tahunan yang diadakan bersempena Persidangan dan Pameran Antarabangsa Produk Teknologi Hijau & Eko Malaysia (IGEM) kelapan itu adalah anjuran Yayasan Hijau Malaysia (YaHijau), Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Boleh Diperbaharui, Kecekapan Tenaga dan Teknologi Hijau (CETREE) dan Kementerian Pendidikan (KPM) dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

(KeTTHA) dan Malaysian Green Technology Corporation (Green-Tech Malaysia).

Ketua Pegawai Eksekutif YaHijau, Amin Abdullah, berkata penyertaan pelajar dalam setiap aktiviti yang diadakan itu diharap dapat menggalakkan dan memberi kesedaran kepada mereka mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar untuk generasi akan datang melalui penghasilan produk teknologi hijau.

## Platform melontar idea

Beliau berkata, sebanyak tujuh acara akan dipertandingkan antaranya Reka Cipta Inovasi Teknologi Hijau, Reka Bentuk Bandar Teknologi Hijau, *Green Technolgy Show*, Inovasi Tenaga Biojisim, *Green*

*Cooker Challenge*, *Solar Vehicle Challenge*, Kuiz Teknologi Hijau dan *Explorace*.

"Karnival berkenaan diharap mampu menjadi platform kepada pelajar untuk melontarkan idea masing-masing selain mencungkil bakat golongan itu dalam bidang penyelidikan dan inovasi, seterusnya melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif," katanya pada sidang media, di sini, baru-baru ini.

IGEM kelapan yang dijadualkan pada 11 hingga 13 Oktober ini bakal berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Yang turut hadir pada sidang media itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif GreenTech Malaysia, Elina Jani.